

UPM tubuh Pusat Keselamatan Makanan

KUALA LUMPUR 9 Mei - Universiti Putra Malaysia (UPM) merancang untuk menubuhkan Pusat Keselamatan Makanan yang bertujuan menyelaras segala bidang berkaitan pertanian bandar dan aspek keselamatan makanan.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, perkara itu termasuk memperkasa kepentingan pertanian dengan menjadikan kawasan Serdang sebagai pusat pengeluaran makanan.

“Berikutan peralihan demografi iaitu 72 peratus penduduk akan menetap di bandar dan persekitaran bandar, bekalan makanan dijangka kritikal. Oleh itu, kita mahu menjadi pemain utama dalam aspek keselamatan makanan dengan penubuhan pusat tersebut.

“Untuk merealisasikannya, UPM akan menggabungkan kepakaran serta idea seluruh agensi pertanian yang terdapat di sekitar Serdang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Gemilang Akademia Putra 2012 di Dewan Besar UPM, dekat sini hari ini.

Majlis penganugerahan itu disempurnakan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Mohd. Fauzi berkata, untuk menubuhkan pusat tersebut, UPM telah memperuntukkan geran sebanyak RM1.2 juta termasuk RM1.2 juta lagi daripada bantuan kerajaan.

Bercakap mengenai status UPM selaku Universiti Penyelidikan, jelasnya, pada 24 April lalu, UPM telah melepasi pengauditan untuk kali ketiga yang bertujuan memastikan universiti berkenaan terus mendapat pengiktirafan status tersebut.

“Satu lagi kejayaan cemerlang, UPM telah mendapat taraf Tier Enam (cemerlang) berbanding Tier Lima (terbaik) dalam penilaian Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi oleh Agensi Kelayakan Malaysia,” katanya.